

ANALISIS METAFUNGSI BAHASA DALAM PENULISAN KARANGAN

(Analysis of Language Metafunction in Essay-Writing)

Norfaizah Abdul Jobar

norfaizahabdjobar@ymail.com

Anida Sarudin

anida@fbk.upsi.edu.my

Idris Md. Radzi

idris@fbk.upsi.edu.my

Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

Abstrak

Makalah ini meneroka aplikasi jenis tema dan metafungsi bahasa dengan memanfaatkan teori SFL (Lingistik Fungsional Sistemik). Data diperoleh daripada penggunaan bahasa oleh murid bahasa kedua semasa memulakan ayat dengan mengenal pasti penggunaan tema yang hadir dalam penulisan karangan jenis pendapat melalui penganalisisan 366 ayat daripada 21 buah karangan. Jenis tema yang dianalisis ialah tema bertanda dan tema tidak bertanda manakala metafungsi bahasa yang diteliti melibatkan tiga kategori, iaitu tema ideasional, tema interpersonal dan tema textual. Daripada analisis ini dapat dikenal pasti bahawa murid sering memanfaatkan tema tidak bertanda, tema ideasional dan tema textual dalam menjana ayat awal. Penganalisisan ini membantu murid memahami pelahiran idea secara sistematis dalam penulisan dan dapat menyalurkan maklumat kepada guru untuk membina kaedah penulisan yang bercirikan wacana lengkap.

Kata kunci : karangan, tema, jenis tema, metafungsi

Abstract

This paper explores the application of theme type and language metafunction using the SFL (Systemic Functional Linguistics) theory. Data was obtained from the beginning sentences of opinion essays written by second-language students, through the identification of the themes they use. 366 sentences from 21 essays were analysed. The analysis of theme involved both marked and unmarked themes, while that of language metafunction involved three categories: ideational theme, interpersonal theme and textual theme. The analysis reveals that unmarked theme, ideational theme and textual theme are often employed by students when constructing the first sentence. This analysis may help students to develop their ideas systematically when writing, and may provide teachers with the necessary information to develop an effective method for teaching essay-writing.

Keywords: composition, theme, theme type, metafunction

PENDAHULUAN

Penelitian terhadap aspek kemahiran menulis amat signifikan dengan entri untuk menyampaikan idea, fikiran, pengetahuan dan maklumat. Dalam hal ini, bagi memastikan seseorang penulis itu mampu menulis dengan berkesan, mereka perlu memiliki pengetahuan tentang apa-apa yang hendak ditulis selain teknik mengorganisasikan ayat (Seyed Foad dan Seyed Jamal, 2012b). Menurut Fries (1997), penutur natif dan bukan natif sering menghadapi masalah dalam menyusun ayat menjadi perenggan lengkap. Sehubungan dengan itu, cara efektif mengurangkan masalah ini adalah dengan memberikan perhatian kepada metafungsi bahasa yang dibina oleh pewacana (Fries, 1997) kerana cara ini dapat memperlihatkan ciri koherens yang perlu ada dalam sesebuah penulisan yang efektif (Halliday, 1994, Wang 2007). Oleh itu, sesebuah teks itu tidak dianggap koherens selagi tidak memenuhi dua syarat keterjalinan yang meliputi kombinasi tema dan rema yang penting bagi menjadikan sesebuah penulisan mencapai tahap kebolehbacaan yang tinggi (Halliday, 1994).

Menyedari hal ini, kajian tentang aspek karangan yang memperlihatkan konstituen lebih tinggi seperti kehadiran unsur tema dalam karangan difikirkan perlu. Secara mudahnya, Tema merupakan titik tolak mesej (Halliday, 1994) atau pemula ayat yang memiliki daya kekuatan tersendiri. Misalnya, dalam berwacana ayat seperti *Last night, a*

man was helping police inquiries, pemanfaatan ayat penyata (deklaratif) yang menerapkan unsur kata sendi atau kata kerja sebagai pemula ayat mungkin merupakan cara untuk menunjukkan konteks yang berlaku dalam penulisan (Thompson, 1996). Menurut Brown dan Yule (1983), tema merupakan konstituen paling kiri dalam kalimat atau klausa. Tema juga dikenali sebagai peranan utama dan seerti dengan topik dalam ayat. Oleh itu, penganalisisan unsur tema yang hadir dalam penulisan murid amat penting diteliti kerana hubungan yang terbinar melalui kaitan kohesi tidak mencukupi untuk mempersempahkan hubungan yang koherens dalam teks (Stotsky, 1983). Hal ini dikatakan demikian kerana, di samping kohesi leksikal dan kohesi gramatikal, hubungan logik antara teks juga ditentukan oleh tema rema (Halliday, 1974; McCabe, 1999; North, 2005).

Metafungsi bahasa yang diperkenalkan oleh Halliday (1994, 2004) merangkumi tiga metafungsi, iaitu tema ideasional yang berperanan mempersempahkan pengalaman pewacana terhadap dunia sebagai suatu realiti; tema interpersonal melibatkan interaksi pewacana dan pembaca; dan tema tekstual melihat bahasa sebagai suatu kesatuan yang direalisasikan melalui konsep tema. Kehadiran unsur metafungsi bahasa ini memiliki kekuatan dan fungsi tersendiri dalam teks (Alireza, 2010 dan Arunsirot, 2013). Oleh itu, dalam makalah ini, pengkaji memfokuskan kehadiran metafungsi tersebut dalam penulisan murid bahasa kedua dengan meneliti kekuatan dan kelompongan yang wujud melalui kajian lalu. Kajian berkenaan penulisan murid bahasa kedua melibatkan ketiga-tiga metafungsi bahasa banyak dijalankan oleh pengkaji Barat. North (2005), misalnya, meneliti perbezaan dan kemampuan antara murid Sains dan Sastera dalam berwacana. Hasil penelitian didapati tema interpersonal lebih banyak digunakan dalam penulisan kerana karangan yang dianalisis berbentuk penceritaan. North mendapati murid Sastera lebih cenderung menulis berbanding dengan murid Sains. Kajian oleh Seyed Foad Ebrahimi dan Seyed Jamal (2012a), mempersempahkan dapatan bahawa penggunaan tema bertanda amat rendah bagi ketiga-tiga kumpulan yang dikaji. Kajian ini turut mengaitkan pengalaman akademik dengan hasil penulisan murid dan huraiannya lebih kepada bentuk penomboran. Kajian lanjut oleh Seyed Foad dan Seyed Jamal (2012b) pula, hanya menyentuh pemanfaatan tema interpersonal dalam penulisan dan masih terhad untuk mengukur keupayaan menulis murid. Hasilnya menunjukkan bahawa murid lebih cenderung menggunakan keterangan penegas (*modal adjunct*) semasa menghasilkan penulisan. Kajian Seyed Foad dan Mohsen Khedri

(2013) pula menerangkan kewujudan tema majmuk dalam penulisan bagi ketiga-tiga sampel yang dianalisis, juga dilihat bersandarkan pengalaman akademik murid. Hasilnya, penggunaan tema tekstual jenis penanda wacana sering dimanfaatkan oleh murid. Kajian ini menurut pandangan pengkaji, merupakan sebuah kajian yang mantap dan berkesan dalam penggunaan dan kepentingan tema majmuk. Kajian ini memfokuskan daptan dalam bentuk penyenaraian data SPSS dan tidak terdapat penghujahan berkaitan dengan contoh tema majmuk yang dikaji.

Selanjutnya, penyelidikan teks berdasarkan metafungsi bahasa dalam kajian ini perlu dilakukan secara empirikal memandangkan tiada kajian dilakukan melibatkan penulisan karangan bahasa Melayu dalam kalangan murid bahasa kedua di negara ini. Selain itu, kajian lalu yang dianalisis kebanyakannya tertumpu pada perbezaan latar akademik. Oleh itu, makalah ini disediakan bagi mengenal pasti dan meneliti pemanfaatan metafungsi bahasa yang hadir dalam penulisan karangan murid bahasa kedua tanpa membandingkan latar akademik.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berasaskan analisis dokumen yang memanfaatkan teks sebenar atau dikenali sebagai “analisis wacana” yang memerihalkan nahu dalam satuan bahasa yang lengkap yang dinamakan nahu wacana. Melalui kaedah ini, aksi sebenar aliran bahasa dapat diselidik dengan lebih berpada. Sebanyak 366 ayat daripada 21 buah karangan murid tingkatan 5 daripada Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina Tanjung Malim dengan tajuk “Cara Menceriakan Kawasan Sekolah” (jawapan Peperiksaan Pertengahan tahun 2014) telah dianalisis. Namun begitu, dalam kajian ini, pengkaji tidak mengambil kira kesalahan ejaan dan imbuhan yang berlaku semasa analisis dijalankan. Semua ayat dalam karangan disempadankan berdasarkan konsep tema dan rema yang seterusnya dibahagikan kepada metafungsi bahasa, iaitu menganalisis binaan awal ayat murid. Persempadanan unsur tema dan rema ini merupakan cara yang boleh dilakukan bagi mengagihkan maklumat dalam ayat. Setelah persempadanan tema dilakukan, penciriannya dilandaskan berdasarkan istilah dan konsep metafungsi bahasa Halliday (1994). Sebagai contoh:

Jadual 1 Sempadan tema.

Bu guru	akan mengajarkan kalian pecahan campuran
<i>Ideasional</i>	
Tema	Rema

Dipetik dan diubah suai: *Sinar* (2003:51)

Semua teks yang dianalisis akan dilabelkan kod contoh KAT1, bermakna karangan pertama. Seterusnya, setiap ayat dalam perenggan ditandakan dengan kod unit teks 1 (UT1), bermakna ayat pertama. Perenggan pula ditandai dengan P1 bermakna perenggan pertama. Dalam kajian ini, sebanyak 366 ayat dideskripsikan berlandaskan metafungsi bahasa Halliday (1994, 2004) serta gabungan nahu Nik Safiah, Farid, Hashim dan Abdul Hamid (2008), dengan merujuk konsep penanda wacana dan kata hubung dalam penganalisisan data.

KONSEP TEMA DAN METAFUNGSI BAHASA

Halliday (1994) dalam rangka teorinya merujuk klausa kepada metafungsi bahasa yang terbahagi tiga, iaitu tema ideasional, tema interpersonal dan tema tekstual. Ketiga-tiga fungsi bahasa ini boleh menyampaikan maksud serentak dalam unit bahasa seperti ayat, perenggan, dan teks. Oleh itu, ketiga-tiganya dapat dilihat dalam teks melalui unsur leksikografi, iaitu cara-cara perkataan disusun serta maknanya dalam membentuk satu kesatuan dalam ayat. Tema merupakan unsur yang bertugas sebagai titik tolak mesej manakala Rema merupakan bahagian ayat yang mengandungi mesej yang sebenarnya mahu disampaikan oleh pewacana (Halliday, 1994). Dalam menganalisis kewujudan Tema, Halliday (1994) pada asasnya membahagikan tema kepada dua ciri utama, iaitu:

1. Tema tidak bertanda (*unmarked Theme*), apabila ayat tersebut dimulakan dengan kata nama atau gugusan kata namaan (Thompson, 1996 dan Idris, 2007, 2010, 2012). Tema ini, mengikut hukum tatabahasa formal. Dalam erti kata lain, dimulai dengan Pelaku (Subjek) + Proses (Kata Kerja) + Sasaran/Objek /Keterangan. Contoh ayat, Saya bermain biola (Sinar, 2003).

2. Tema bertanda (*marked theme*) ini strukturnya berbeza, iaitu proses (penyongsangan) dan sasaran/objek (pemasifan) akan menjadi tema, hal ini menunjukkan peluarbiasaan dalam ayat. Tema ini, terbina melalui kata kerja, kata sendi, kata bantu atau kata hubung (Eggins, 2004, Thompson, 1996). Contoh ayat: Menurut Halliday bahasa adalah sebuah sistem semiotik (Sinar, 2003).

Oleh itu, dalam usaha mengkaji pemanfaatan metafungsi bahasa, Halliday (1994), mencirikan klausa pertama dalam ayat terbahagi kepada tiga kategori metafungsi bahasa:

1. Tema ideasional, iaitu elemen pertama dalam klausa yang mengrepresentasikan pengalaman dunia sekeliling dan yang berlaku dalam diri. Secara teknikalnya, tema ini merupakan fungsi daripada struktur transitiviti daripada suatu klausa (Martin, 1995). Oleh itu, tema ideasional dibahagikan kepada tiga subentri;
 - (a) Tema ideasional proses (*process*) sebagai contoh: *Singgahlah ke rumah kami.*
 - (b) Tema ideasional pelaku (*participant*), contoh: *Faiz lahir di Ipoh.*
 - (c) Tema ideasional keadaan (*circumstance*), contoh: *Pada tahun 2013 telah berlaku banjir besar.*

Tema ini merupakan unsur wajib ada dalam klausa (Halliday, 1994, dan Arunsirot, 2013). Dalam kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan analisis terhadap dua unsur ideasional, iaitu proses dan keadaan sebagai ciri binaan ayat.

1. Tema interpersonal berkenaan interaksi antara penulis dan pembaca. Tema ini mengandungi unsur perasaan dan menyelitkan kriteria dialog selain boleh berubah mengikut keadaan. Tema ini dikategorikan kepada lima subentri:
 - (a) Kata tanya (*finite*) atau disebut sebagai pertanyaan alternatif yang perlu dijawab dalam penulisan tersebut (Alireza, 2010), sebagai contoh: *Adakah anda ingin pergi sekarang?*
 - (b) Kata tanya bantu yang mengandungi subjek atau digugurkan (*Wh-*

Interrogative) sebagai contoh, *Bagaimakah hal ini berlaku? Siapakah yang tidur di sini?*

Menurut Alireza (2010), penggunaan kata tanya ini memerlukan pembaca membayangkan jawapan bagi persoalan yang dikemukakan.

- (c) Vokatif (*vocative*) selalunya diaplikasikan untuk mengidentifikasi benda atau nama orang yang dituju sebagai pembaca pada awal klausa, sebagai contoh: *Tom, bolehkah awak tolong saya? ... Wahai angin yang mendayu.*
 - (d) Keterangan Penegas (*modal-adjunct*) yang memberikan keterangan, pernyataan atau gambaran komen penulis dalam klausa, sebagai contoh: *Boleh jadi Ali lebih hebat daripada Hassan..., Mungkin dia lebih... Sesungguhnya hal ini,... Hal ini terbukti benar...*
 - (e) Kata perintah (*imperative-let's*) sebagai contoh, *Jom main bola..., Mari ke rumah saya...* Dalam kajian ini, kata tanya dan kata tanya bantu digabungkan kerana kedua-duanya mewakili unsur kata tanya dalam bahasa Melayu.
2. Tema tekstual merupakan bahagian pertama daripada tema yang berfungsi menggabungkan dua klausa. Hal ini membolehkan penulis mempersempahkan teks yang koherens (Halliday, 1994; North, 2005). Tema ini dibahagikan kepada tiga subentri;
- (a) Penanda wacana (struktural), iaitu perkataan yang digunakan untuk menghubungkan teks dan memperlihatkan hubungan semantik serta gramatis dalam ayat (Halliday, 1994), sebagai contoh, *kesimpulannya, sebagai contoh tambahan pula, maka, dengan demikian, oleh sebab itu, oleh itu...*
 - (b) Kata hubung (*conjunct-adjunct*) yang berfungsi menghubungkan klausa sebelum dan klausa yang lain (McCabe, 1999), misalnya *yang, dan, tetapi, sehingga, lalu, walaupun, sungguhpun, meskipun.*
 - (c) *Continuative* atau penambah merupakan perkataan yang berfungsi membentuk hubungan dalam teks secara berterusan. Halliday (1994), menyatakan bahawa penambah merujuk kata-kata yang menjadi permulaan dalam ucapan dan lebih banyak digunakan

dalam percakapan berbanding dengan penulisan. Misalnya, *Ya.., Oh ..., Tidak ..., Baik ...*

PEMANFAATAN METAFUNGSI BAHASA PENULISAN MURID

Sebanyak 366 ayat telah dianalisis dan berdasarkan dapatan yang dipersembahkan dalam Jadual 2, jumlah tema tidak bertanda (65 peratus) paling banyak diaplikasikan oleh murid berbanding tema bertanda (35 peratus). Keadaan ini sedemikian kerana konsep ayat yang memenuhi hukum tatabahasa formal terkandung dalam unsur tema tidak bertanda memudahkan murid membina ayat tersebut.

Tema Tidak Bertanda dan Tema Bertanda

Berdasarkan analisis, didapati bahawa untuk memulakan ayat, murid memanfaatkan sebanyak 65 peratus (238 ayat) tema tidak bertanda dalam penulisan karangan seperti kata atau frasa, *sekolah, murid-murid, taman mini, guru-guru, pertandingan ini*. Dengan perkataan lain, ayat mula yang dibina oleh murid digerakkan oleh penggunaan kata nama atau gugusan kata nama, sebagai contoh:

- KAT3P1** (UT1) *Sekolah* merupakan tempat yang kita menuntut ilmu dan belajar.
- KAT1P5** (UT2) *Semua guru dan pelajar* haruslah menjaga kebersihan kawasan sekolah supaya keceriaan dan imej terjamin.
- KAT7P2** (UT3) *Kita* mengadakan aktiviti ini pada setiap minggu.

Contoh data KAT3P1(UT1) memperlihatkan bahawa murid membina ayat dengan unsur kata nama sekolah sebagai kata utama dalam binaan ayat mula murid. Ayat tersebut binaannya lebih mudah difahami berbanding ayat yang dimulai dengan unsur kata kerja. Selain itu, binaan ayat ini memenuhi hukum tatabahasa formal, iaitu subjek mendepani unsur yang diterangkan.

Seterusnya, ciri tema bertanda yang dibina oleh murid sebanyak 35 peratus (128 ayat) menjadi pilihan murid sebagai kaedah memulakan ayat. Seperti yang telah dimaklumi, tema bertanda merupakan tema luar biasa,

Jadual 2 Aplikasi tema.

JENIS TEMA	PERATUS
Tema Tidak Bertanda	65%
Tema Bertanda	35%

iaitu kata sendi atau kata kerja menjadi unsur mula ayat. Sebagai bukti, dalam analisis terdapat penggunaan awal kata seperti, *usaha menceriakan, pada masa ini, pada zaman ini, dalam masa yang sama*. Dalam erti kata lain, murid memulakan ayat dengan kata kerja atau kata sendi, yang kebiasaannya di belakang ayat kini mendepani ayat. Sebagai contoh:

- KAT4P1** (UT1) *Usaha menceriakan kawasan sekolah*, menjadi topik hangat yang dibincangkan
- KAT4P2** (UT5) *Dalam masa yang sama*, aktiviti gotong-royong juga dapat mengeratkan hubungan antara murid dengan guru.
- KAT17P1** (UT1) *Pada zaman ini*, kawasan sekolah semakin teruk menjadi duri dalam daging dalam masyarakat kita.

Daripada contoh data KAT4P1(UT1) dengan mendepankan unsur kata kerja *usaha menceriakan kawasan sekolah* sebagai pemula mesej murid memberikan keutamaan bahawa unsur tersebut dijana sebagai titik mula mesej yang penting. Dengan ini, penggunaan tema bertanda yang tinggi menunjukkan murid mempunyai daya berbahasa yang mampu menarik perhatian pembaca.

Jadual 3 membuktikan bahawa, penggunaan tema ideasional yang paling banyak dimanfaatkan oleh murid, iaitu sebanyak 47 peratus (172 ayat). Tema interpersonal (10 peratus) amat kurang diaplikasikan oleh murid kerana fungsinya yang melibatkan interaksi antara penulis dan pembaca (Halliday, 1994) dan memperlihatkan penulisan bukan bersifat fakta (North, 2005).

Jadual 3 Jenis Metafungsi.

JENIS METAFUNGSI	Jum. ayat & %	Jumlah Keseluruhan
i. Ideasional		172 (47%)
a. Proses	132 (36%)	
b. Keadaan	40 (11%)	
ii. Interpersonal		37 (10%)
a. Keterangan Penegas	22 (6%)	
b. Kata Tanya	15 (4%)	
c. Kata Perintah	-	
d. Vokatif	-	
iii. Tekstual		157 (43%)
a. Penanda Wacana	154 (42%)	
b. Kata Hubung	3 (1%)	
c. Penambah	-	

Tema Ideasional

Tema Ideasional merujuk ciri pelaku, keadaan dan proses yang hadir dalam klausa. Jadual 3 menunjukkan bahawa murid merepresentasikan awal ayat dengan kehadiran tema ideasional-proses sebanyak 132 ayat (36 peratus) dan ideasional-keadaan sebanyak 40 ayat (11 peratus). Pemanfaatan tema ideasional ini merupakan cara untuk mempersembahkan kepelbagaiannya pengalaman murid dalam penulisan. Sebagai contoh:

- KAT9P2** (UT8) Taman mini *merupakan* kawasan yang pelajar dan guru menanam pokok atau bunga.
- KAT14P2** (UT2) Pihak sekolah haruslah *mengadakan* aktiviti gotong-royong dua minggu sekali.
- KAT9P1** (UT2) *Di sekeliling sekolah yang bersih dan ceria* boleh membantu pelajar berasa segar dan lebih berminat untuk belajar

Dalam contoh data KAT9P2 (UT8), murid memberikan makna secara umum terhadap idea yang disampaikan melalui tema ideasional (proses). Cara ini menunjukkan bahawa murid memerlukan konsep dan idea yang ingin disampaikan bagi membina satu kefahaman secara menyeluruh. Cara ini memberikan impak terhadap penulisan kerana konsep disampaikan secara pendefinisian umum. Selain itu, dalam data KAT14P2(UT2), penggunaan kata kerja *mengadakan* dapat memperlihatkan keupayaan murid membina ayat aktif melalui penggunaan kata kerja yang tepat. Penggunaan tema ideasional-keadaan (*Di sekeliling sekolah yang bersih dan ceria*) yang digambarkan dalam data KAT9P1(UT2) pula mempersempit kemampuan murid untuk mengaplikasikan unsur keadaan (tempat), iaitu berkaitan lokasi isu itu sering diperkatakan. Oleh itu, penggunaan tema ideasional secara konsisten dan tepat memiliki kekuatan tersendiri sebagai wahana mengungkapkan idea dengan berkesan.

Tema Interpersonal

Berdasarkan analisis dalam Jadual 3, sebanyak 10 peratus (37 ayat) tema interpersonal dijana oleh murid. Ciri keterangan penegas (22 ayat) seperti penggunaan kata *menyedari hakikat ini, hal ini terbukti kerana, perkara ini ternyata benar kerana*, turut dimanfaatkan selain kata tanya (15 ayat), seperti *adakah, bagaimanakah* yang digunakan sebagai pemula ayat. Menurut Paltrigde (2006), tema interpersonal merujuk maklumat yang hadir sebelum rema yang memiliki hubungan dengan penulis atau sebagai tempat meluahkan pandangan dalam klausa. Sebagai contoh:

KAT13P1 (UT4) *Menyedari hakikat ini*, semua pihak perlu bekerjasama untuk menyokong usaha menceriakan kawasan sekolah.

KAT11P1 (UT2) *Apakah usaha-usaha untuk menceriakan kawasan sekolah ?*

Melalui contoh data KAT13P1(UT4), dengan menggunakan kata *menyedari hakikat ini* menjelaskan murid cuba untuk “berdialog” dengan pembaca melalui ayat yang memberikan maksud “sebagai masyarakat kita perlu sedar akan tanggungjawab kita dalam isu tersebut” dan hal ini membuktikan ayat tersebut dekat dengan pembaca. Dalam data

KAT11P1(UT2) pula, penggunaan kata tanya *Apakah...*, menjelaskan persoalan yang ingin diungkapkan oleh murid berkaitan dengan tajuk yang dibicarakan justeru menggambarkan keupayaan murid untuk “berbicara pasif” dengan pembaca bagi mendekatkan pembaca dengan hasil penulisannya. Namun begitu, dalam analisis menunjukkan unsur interpersonal kurang dibina dalam penulisan murid dan hal ini membuktikan hasil penulisan mereka “kurang mesra” pembaca atau kurang menyentuh perasaan. Tema interpersonal kurang diimplementasikan kerana bentuk karangan yang dianalisis jenis fakta atau pendapat (North, 2005).

Tema Tekstual

Pentemaan ayat berdasarkan manfaat tema tekstual dalam Jadual 3 mempersempit sebanyak 43 peratus (157 ayat) telah dijana oleh murid untuk memulakan ayat. Penggunaan tema ini dapat memastikan fungsi ayat yang dibina pada permulaan sebagai perantai idea yang diaplikasikan untuk memudahkan kesinambungan ayat yang dijana. Dalam analisis penggunaan penanda wacana sebanyak 154 ayat (42 peratus) seperti *seterusnya, kesannya, misalnya, perkara kedua, oleh itu, di samping itu, dengan ini, kesimpulannya*, acap kali ditemui manakala sebanyak tiga ayat (satu peratus) penggunaan kata hubung sebagai unsur memulakan ayat. Selain itu, berdasarkan analisis juga tiada unsur penerus ditemui. Sebagai contoh:

KAT14P5 (UT1) *Kesimpulannya*, sekolah adalah salah satu tempat yang kita dapat ilmu pengetahuan. (UT2) *Oleh itu*,

sebagai seorang murid yang bertanggungjawab, kita mestilah mengamalkan sikap kebersihan dan sentiasa memastikan kawasan sekolah adalah bersih dan ceria.

KAT20P5 (UT3) Setiap minggu pihak sekolah boleh menyediakan hadiah untuk kelas yang terbersih. (UT4) *Dan juga* dendakan kelas yang paling terkotor supaya pelajar tidak mengulangi.

Dalam contoh data KAT14P5 tersebut, jelas menunjukkan bahawa penggunaan penanda wacana dalam UT1 (*kesimpulannya*) dan UT2 (*oleh*

itu) menjelaskan kata tersebut dipilih secara tepat membantu binaan idea yang jelas dan bertautan. Majoriti penggunaan tema tekstual (penanda wacana) digerakkan oleh murid secara berpada bagi menyampaikan kesinambungan yang maksimum kepada pembaca. Terdapat juga ayat yang dianalisis memanfaatkan penggunaan kata hubung *dan* sebagai ayat mula, contoh data KAT20P5(UT4). Namun penggunaannya amat kurang ditemui kerana ayat yang dibina tidak menampakkan kesinambungan. Hal ini demikian kerana, kata hubung *dan* ialah jenis kata hubung gabungan yang berfungsi menghubungkan dua klausa atau lebih yang sama tara sifatnya (Nik Safiah *et al.*, 2008). Oleh itu, pengaplikasiannya kurang sesuai digunakan pada pangkal ayat.

PRAKTIS METAFUNGSI

Pembinaan idea dalam penulisan memerlukan kemahiran murid yang tinggi. Idea ini dijana melalui pengetahuan dan kemahiran pemilihan ayat yang tersusun. Oleh itu, penulisan karangan yang bermutu dituntut agar dapat melahirkan murid yang berketerampilan dalam berbahasa selaras dengan kehendak Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu. Dengan demikian, adalah penting untuk mencari kaedah berkesan bagi merungkai ciri ayat yang dibina oleh murid. Penganalisisan ayat dengan memanfaatkan konsep pentemaan ini merupakan kaedah penting bagi memahami dan mengenal pasti cara murid memilih kata untuk digerakkan dalam permulaan ayat yang berfungsi sebagai titik mula mesej yang dipilih oleh mereka dalam penulisan.

Kajian awal ini mendapati bahawa, pemula awal ayat yang digunakan oleh murid lebih mengutamakan tema tidak bertanda sebagai cara membina ayat. Permulaan wacananya adalah untuk memuatkan ayat yang dibina dengan mengetengahkan kata nama atau gugusan kata nama sebagai unsur yang diutamakan. Namun begitu, pemanfaatan tema tidak bertanda yang tinggi membuktikan kewibawaan murid dalam menulis amat terhad kepada binaan ayat mudah. Hal ini demikian kerana, dalam linguistik, penggunaan tema tidak bertanda merupakan suatu perkara biasa dalam penulisan dan keadaan ini memang telah dijangkakan (Arunsirot, 2013). Sebaliknya, jika menyentuh berkenaan tema bertanda, penggunaannya merupakan sesuatu yang luar biasa dan perlu diberikan perhatian kerana fungsinya dapat menyampaikan maksud dengan amat mendalam. Dalam hal ini, murid kurang menggunakan tema bertanda (kata kerja atau kata sendi) dan menyebabkan penulisan mereka menjadi hambar (Hawes dan

Thomas, 1997). Selain itu, penggunaan tema bertanda ini sangat bermakna kerana dapat mewakili pola penulisan; perhatian yang diingini penulis; selain tujuannya tidak dibina untuk koheren (Foley, 2013)

Selain itu, analisis dapatan tema ideasional adalah mustahak bagi melihat pandangan dan pengalaman dunia manusia yang direpresentasikan melalui unsur proses dalam klausula (Idris, 2012). Tema ini mampu menyampaikan idea sebagai cara untuk menggambarkan tindakan dan memulakan klausula untuk disampaikan kepada sasaran. Hasil dapatan membuktikan bahawa, semasa memulakan wacana pemanfaatan tema ideasional-proses sebagai unsur yang mewajarkan ayat mendapat tempat dalam penulisan. Penggunaannya bertujuan menyampaikan maksud secara langsung dan jelas kepada pembaca selain mampu merungkai fungsi bahasa dalam kehidupan manusia.

Dalam usaha meneliti hasil kajian ini, penjanaan idea murid tidak hanya tertumpu pada binaan tema tidak bertanda dan tema ideasional namun turut memanfaatkan unsur tema tekstual (penanda wacana) sebagai cara membina ayat yang berketerjalinan. Kajian ini selari dengan dapatan kajian oleh Syed Foad dan Mohsen Khedri (2013) yang menemukan penggunaan tema tekstual antara yang tertinggi dalam analisis mereka. Oleh itu, pemula ayat yang dibina berdasarkan kemahiran murid mengaitkan idea dengan idea bagi tujuan menyampaikan maksud yang diinginkan, bermatlamatkan untuk memberikan kefahaman kepada pembaca amnya dan pemeriksa khususnya. Kajian ini telah mengesahkan pernyataan Halliday (1994), bahawa teks yang dijana mesti berfungsi sebagai gagasan yang difahami oleh pemakai bahasa.

Daripada analisis juga didapati bahawa hasil penggunaan tema interpersonal tidak menjadi pilihan murid ekoran sifatnya yang digambarkan melalui pemanfaatan unsur kata-kata yang “mesra” pembaca. Oleh sebab karangan yang diteliti merupakan karangan fakta (jenis pendapat) maka penggunaannya kurang dijana oleh murid. Hasil kajian ini tidak selari dengan dapatan North (2005) yang meneliti karangan jenis pemujukan dengan menemukan tema interpersonal sebagai pilihan utama murid aliran Sastera. Dengan ini dapat disimpulkan bahawa, penggunaan tema interpersonal ini amat bergantung pada jenis genre penulisan yang dihasilkan oleh murid serta keupayaan mereka mengadaptasikannya dalam penulisan.

KESIMPULAN

Hasil dapatan mencadangkan aplikasi metafungsi bahasa memiliki nilai tinggi bagi menghasilkan penulisan yang berpotensi mempunyai nilai koherens yang kukuh. Dalam usaha menghubungkaitkan idea dalam teks, pemilihan metafungsi yang bertepatan perlu diberikan perhatian. Selain itu, susun atur metafungsi yang digunakan mesti dititikberatkan. Hal ini demikian kerana, aplikasi metafungsi yang berkesan dalam kelas membantu murid menulis secara efektif kerana tema yang dihasilkan dalam klausanya akan menjadi pembimbing kepada pembaca untuk memahami mesej dalam klausanya seterusnya (Wang, 2007). Sejakar dengan tabii wacana penulisan, hasil kajian ini membolehkan murid dan guru menyedari bahawa untuk membina teks berpaduan perlu memilih metafungsi yang sesuai dengan ciri penulisan dan dimanfaatkan secara berpada dalam proses pelahiran ayat tersebut.

RUJUKAN

- Alireza Jalilifar, “The Status of Theme in Applied Linguistics Articles” dlm. *The Asian ESP Journal Autumn Edition* 6:2, hlm. 7-39, 2010.
- Arunsirot, S., “An analysis of textual metafunction in Thai EFL student’s writing” dlm. *Novitas-ROYAL* 7:2, hlm. 160-74, 2013.
- Brown G dan Yule G., 1983. *Discourse Analysis*. Diterjemah oleh Soetikno. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Eggins, S., 2004. *An Introduction to Systemic Fungsional Linguistic*. London: Continuum.
- Foley, J.A., “Developing Academic Writing in A Business Oriented University” dlm. *Journal of Applied Linguistics* 2:2, 170-190, 2013.
- Fries, Peter H., 1994. “On Theme, Rheme and Discourse Goals” dlm. Malcolm Coulthrad (ed.), *Advance in Written Text Analysis*. London Routledge.
- Fries, Peter H., 1997. Theme and New in written English dlm. Tom Miller (ed.), *Functional Approaches to Written Text Classroom Applications*. Washington D.C English Language Programs.
- Halliday, M.A.K., 1974. “The Place Of ‘Functional Sentence Perspective’ in the System of Linguistic Description” dlm. F. Danes (ed.), *Papers on Functional Sentence Perspective* hlm. 43-53. Mouton Paris: Academia Prague.
- Halliday, M.A.K., 1994. *An Introduction to Functional Grammar*. London: Arnold.
- Halliday, M.A.K., & Matthiessen, 2004. *An Introduction to Functional Grammar*. Great Britain: Hodder Arnold.

- Idris Aman, “‘Proses’ dalam Ayat Wacana: Representasi Pengalaman Dunia Penutur” dlm. *Jurnal Bahasa*, 2:1, hlm. 1-19, 2002.
- Idris Aman, “Tema Bertanda Ayat Wacana: Analisis Nahu Fungsional” dlm. *Jurnal Bahasa* 7:2, hlm. 41-64, 2007.
- Idris Aman, 2010. *Analisis Wacana*. Bangi, Universiti kebangsaan Malaysia.
- Martin J.R., 1995. “More than What the Message is About: English Theme” dlm. M. Ghadessy” (ed.), *Thematic development in English texts*. New York: Pinter Publishers.
- McCabe, A.M., 1999. “*Theme And Thematic Patterns In Spanish And English History Texts*”. Disertasi PhD, Aston University.
- Nik Safiah Karim, Farid Murid Onn, Hashim Musa dan Abdul Hamid Mahmood, 2008. *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- North, S., “Disciplinary Variation in the Use of Theme in Undergraduate Essays” dlm. *Journal of Applied Linguistics* 26:3, hlm. 1-18, 2005.
- Paltridge B., 2006. *Discourse Analysis*. London Continuum.
- Seyed Foad Ebrahimi dan Seyed Jamal Ebrahimi, “Markedness in Writing: a Case of EFL Students” dlm. *Theory and Practice Studies* 2:4, 773-77. doi: 10.4304, 2012a.
- Seyed Foad Ebrahimi dan Seyed Jamal Ebrahimi. “Interpersonal Theme in Student’s Composition Writing” dlm. *Advance in Asian Social Science* 1:2, hlm. 232-36, 2012b.
- Seyed Foad Ebrahimi dan Mohsen Khedri, “Multiple Theme And Cohesion: A Case Of Efl Students Composition Writing” dlm. *Iranian EFL Journal* 9:3, hlm. 248-60, 2013.
- Stotsky, S., “Research on Reading/Writing Relationships: A Synthesis And Suggested Directions” dlm. *National Caouncil of Teachers of English* 60:5, hlm. 627-42, 1983.
- Tengku Silvana Sinar, 2003. *Teori dan Analisis Wacana*. Medan: Pustaka Bangsa Press.
- Thompson G., 1996. *Introducing Functional Grammar*. London: Arnold.
- Wang, L., “Theme and Rheme in the Thematic Organization of Text: Implications for Teaching Academic Writing” dlm. *Asian EFL Journal* 9:1, hlm. 164-76, 2007.

Diperoleh (received): 18 Februari 2016

Diterima (accepted): 26 Oktober 2016